

# BSK bantu isteri hadapi perceraian

Hm 15/1/10 M/S 25A

**P**UTRAJAYA: Nasib isteri yang dalam proses perceraian di mahkamah kini terbela apabila kerajaan meluluskan peruntukan RM15 juta bagi meringankan beban golongan itu sepanjang tempoh proses terbabit sehingga talak dijatuhkan terhadap mereka.

Bantuan melalui program Badan Sokongan Keluarga (BSK) yang dikendalikan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi mengukuhkan usaha terdahulu pihak berkaitan terhadap golongan berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom, berkata dana yang diperuntukkan itu adalah bantuan pinjaman bagi meringankan beban isteri yang dalam proses perceraian kerana kebiasaan suami tidak memberi nafkah sebaik saja kes direkodkan di mahkamah.

"Ketika proses perceraian, suami sepatutnya masih perlu menanggung nafkah keperluan harian termasuk makan dan pakai isteri serta anak kerana ia masih tanggungjawab mereka.

"Tetapi, sikap tidak bertanggungjawab (suami) inilah yang menyebabkan ada anak yang merempat dan isteri juga hilang tempat bergantung," katanya dalam sidang media selepas Perhimpunan Bulanan Agensi Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalannya, Datuk Dr Mashitah Ibrahim dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Muhammad Sheikh Abdul Aziz.